

01 DEC 1997

KEGIATAN PERNIAGAAN MASIH LANCAR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kegiatan perniagaan di Malaysia masih terus berjalan lancar walaupun negara dilanda kegawatan kewangan.

Ini menunjukkan kepercayaan penuh pelabur-pelabur asing terhadap Malaysia, katanya di majlis pelancaran tangki komposit hi-kleen petrotank oleh PJS Industries Sdn Bhd di sini, hari ini.

"Walaupun saya dapati bahawa masyarakat peniaga dikatakan tidak mempunyai keyakinan, tetapi masyarakat peniaga yang sebenar masih lagi berkeyakinan penuh terhadap iklim pelaburan di Malaysia," katanya.

Pelabur-pelabur asing ini bukan sahaja sedia melabur wang ringgit di dalam negara malahan sedia mewujudkan kerjasama perniagaan dengan syarikat-syarikat tempatan, kata beliau.

Perdana Menteri merujuk pada dua syarikat Malaysia yang baru-baru ini memandatangani perjanjian usahasama dengan syarikat tempatan di Jepun, yang membuktikan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia.

Disamping itu syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat juga bersedia jalinkan usahasama perniagaan dengan syarikat Malaysia, kata Perdana Menteri sambil merujuk majlis menandatangani surat hasrat antara PJS Industries dengan Hydrosin Inc dari Amerika Syarikat untuk pengeluaran beberapa jenis tangki aluminium untuk petroleum dan gas asli di Malaysia.

"Ini adalah satu petanda baik bahawa ekonomi akan terus maju dan saya yakin keadaan ekonomi negara akan pulih seperti biasa," kata beliau.

Mengenai kejayaan PJS Industries sebagai syarikat Malaysia pertama mereka bentuk, mengeluarkan dan memasarkan tangki komposit hi-kleen petro tank ini, Dr Mahathir berkata beliau merasa bangga dengan kejayaan rakyat Malaysia dalam bidang teknologi dalam pembuatan bahan-bahan berasaskan komposit.

Ini kerana bahan komposit adalah satu bahan yang penting dalam pembuatan tangki untuk barangan petroleum dan gas di mana ia dibuat hanya menggunakan jalinan benang-benang sintetik serat, katanya.

"Mungkin satu hari nanti pengeluar tempatan kita berupaya bergerak lebih jauh ke hadapan iaitu mengeluarkan pesawat terbang dari bahan komposit," kata beliau sambil menambah bahawa bahan komposit berpotensi luas untuk kegunaan dalam negeri dan juga di luar negara. -- BERNAMA

RIZ MA